

**TEKS UCAPAN**  
**NAIB CANSOLOR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

Bismillahir-Rahmanir-Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh dan

Selamat Sejahtera.

**Y.BHG. PROF. DATIN DR. SUZANA SULAIMAN**

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

**Y.BHG. PROF. DR. MOHD SAZILI SHAHIBI**

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

**Y.BHG. PROF. TS. DR. NORAZAH ABD RAHMAN**

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

**Y.BHG. PROF. DR. MOHAMAD HARIRI ABDULLAH**

Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Komuniti & Alumni)

**Y.BHG. PROF. DR. SHAHANUM MD SHAH,**

Penolong Naib Canselor (Kolej Pengajian Seni Kreatif)

Para Dekan, Ketua-ketua Pusat Pengajian, Para Pensyarah, serta Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian,

Terlebih dahulu, marilah kita bersama-sama merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmatNya, dapat kita berkumpul pada petang ini, dalam suasana yang aman sempena Majlis **PELANCARAN CINCIN GRADUASI UiTM**. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan penghasilan Cincin Graduasi UiTM, dan buat julung kalinya UiTM melalui **Kolej Pengajian Seni Kreatif** berjaya mewujudkan 'nilai sentimental' melalui rekaan CGU kepada para pelajar, bakal graduan, alumni, dan warga UiTM.

**Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,**

Saya yakin dan percaya bahawa CGU ini bukan sekadar barang kemas yang menghiasi jari, tetapi lebih menjurus kepada **memorabilia** yang membawa naratif perkembangan UiTM, sebagai satu institusi pendidikan terulung di Malaysia, yang telah melahirkan ramai karyawan dan pakar Bumiputera dalam pelbagai bidang.

Selain menjadikan CGU sebagai satu simbol kemegahan UiTM dengan **'nilai sentimental'** melalui rekaannya, CGU mampu mempamerkan usaha untuk memperkasakan UiTM selari dengan galakan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), untuk menjadikan universiti sebagai pencetus idea dalam membangunkan penyelidikan inovasi produk dengan daya saing yang tinggi.

Saya juga percaya projek CGU ini dapat menjadikan UiTM sebagai universiti pertama yang menginovasikan cincin graduasi dengan rekaan yang diiktiraf oleh pakar barang kemas, yang terdiri dari para akademik dan pihak industri.

Selain daripada itu, saya berharap penghasilan CGU ini dapat memupuk semangat jati diri dan kecintaan terhadap UiTM, melalui slogan **'UiTM di Hatiku'**, pada setiap graduan dan alumni UiTM. Moga pemakaian Cincin Graduasi UiTM ini bakal menjadi tradisi membanggakan bagi semua graduan, alumni, serta warga UiTM. Saya berdoa agar pelancaran Cincin Graduasi UiTM ini menjadi satu titik permulaan bagi memupuk kecintaan terhadap universiti kesayangan kita ini.

Dengan lafaz **Bismillahir-Rahmanir-Rahim**, saya merasmikan **PELANCARAN CINCIN GRADUASI UiTM**.

Sekian, Terima Kasih.

Wassalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.

**PROF. DATUK DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR**  
Naib Canselor, Universiti Teknologi MARA.